

**GARIS PANDUAN
PEMBIAYAAN PENERBITAN
ARTIKEL DI JURNAL BERINDEKS
WOS (JCR Q1 & Q2) / SCOPUS
DAN WOS (BUKAN JCR Q1 & Q2)
BAGI TAHUN 2024**

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Objektif Inisiatif

Inisiatif pembiayaan ini adalah untuk mendokong hasrat GRU 2025 serta membantu fakulti mencapai sasaran penerbitan dan sitasi. Ini adalah penting kerana kekurangan penerbitan dan sitasi di jurnal berimpak tinggi.

Inisiatif ini memberi tumpuan kepada penerbitan artikel di jurnal yang mempunyai impak tertinggi (WOS, JCR Q1 atau Q2) atau berindeks Scopus atau WOS (bukan JCR Q1 atau Q2) serta diterbitkan oleh penerbit bereputasi, mempunyai liputan yang meluas dan boleh dipercayai.


Inisiatif ini juga bertujuan meningkatkan ketampakan output penyelidikan melalui kolaborasi penyelidik FPP dan penyelidik luar bagi mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) penyelidikan pensyarah, sasaran BTU 2024/2025 dan seterusnya, membantu fakulti mempertingkatkan skor MyRA dan SETARA.

Syarat-Syarat Permohonan

1. Pemohon adalah warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Puncak Alam.
2. Pemohon adalah penulis koresponden (*corresponding author*) atau penulis pertama UiTM bagi artikel yang diterbitkan.
3. Pemohon tidak terbabit dengan tindakan tatatertib.
4. Pemohon perlu mempunyai akaun Google Scholar, Scopus dan WoS.
5. Artikel hanya boleh diterbitkan di jurnal berindeks WoS (JCR Q1 atau Q2). Senarai jurnal WoS (JCR Q1 atau Q2) boleh disemak di pautan berikut: <https://docs.google.com/spreadsheets/d/1Em9hdAMfOVsf9PSzRKpuCDGJTWv2OAHP/edit?usp=sharing&ouid=105892937085002487611&rtpof=true&sd=true>. Manakala, senarai jurnal berindeks Scopus boleh disemak di pautan berikut: <https://www.scopus.com/sources>.
6. Menjadi tanggungjawab staf untuk memastikan jurnal adalah berindeks WoS (JCR Q1 atau Q2) atau Scopus sebelum menghantar dan menerbitkan artikel di jurnal tersebut. Jika PRIME tidak mengesahkan penerbitan tersebut sebagai WoS (JCR Q1 atau Q2) atau Scopus, artikel tidak akan dibiayai.
7. Bagi artikel diterbitkan di jurnal berindeks WoS (JCR Q1 atau Q2), pembiayaan sebanyak 100% dari jumlah yuran penerbitan yang di mohon oleh penulis koresponden (*corresponding author*) ((atau maksimum RM5,000) akan dipertimbangkan bagi artikel yang mempunyai 3 kumpulan kolaborator, 80% bersamaan maksimum RM4,000 (2 kumpulan kolaborator), 60% bersamaan maksimum RM3,000 (1 kumpulan kolaborator) dan 50% bersamaan maksimum RM2,500 (tiada kolaborator luar)).
8. Bagi artikel diterbitkan di jurnal berindeks Scopus atau WOS (bukan JCR Q1 atau Q2), pembiayaan sebanyak 100% dari jumlah yuran penerbitan yang di mohon oleh penulis koresponden (*corresponding author*) ((atau maksimum RM2,000) akan dipertimbangkan bagi artikel yang mempunyai 3 kumpulan kolaborator, 80% bersamaan maksimum RM1,600 (2 kumpulan kolaborator), 60% bersamaan maksimum RM1,200 (1 kumpulan kolaborator) dan 50% bersamaan maksimum RM1,000 (tiada kolaborator luar)).
9. Syarat berkaitan kumpulan kolaborator seperti di No. 7 tidak tertakluk bagi permohonan pembiayaan oleh penulis pertama UiTM bagi pembiayaan penerbitan di jurnal berindeks WoS (JCR Q1 atau Q2).
10. Artikel mestilah tidak dibiayai oleh mana-mana geran atau dana UiTM (maklumat pembiayaan geran akan dikongsikan dengan Unit Etika Penerbitan UiTM agar tiada isu penyalahgunaan dana bagi proses tuntutan berganda).
11. Seseorang staf hanya boleh dibiayai sekali sahaja menerusi permohonan inisiatif ini. Walau bagaimanapun, jika dana masih lagi berbaki, fakulti melalui RENOVA akan membuat pengumuman bagi membenarkan pensyarah yang telah dibiayai untuk memohon sekali lagi untuk pembiayaan artikel.
12. Staf perlu memohon insentif di bawah RMC (PYPA) atau UCS terlebih dahulu sebelum memohon inisiatif ini. Jika tidak berjaya, barulah boleh memohon insentif WOS (JCR Q1/Q2) atau Scopus dari FPP ini (bukti mesti disertakan seperti balasan emel dll).
13. Tajuk artikel tidak boleh sama dengan tajuk geran penyelidikan yang aktif. Melainkan jika dana geran penyelidikan tersebut telah habis digunakan dan KPI penerbitan telah dicapai (permohonan pembiayaan dari fakulti untuk membiayai penerbitan tambahan boleh dipertimbangkan).
14. Jumlah pembiayaan bagi penerbitan di jurnal berindeks WoS (JCR Q1 atau Q2) yang di mohon tidak melebihi dari **RM5,000** (permohonan dari penulis koresponden (*corresponding author*)), dan tidak melebihi dari **RM1,000** (permohonan dari penulis pertama UiTM). Manakala, jumlah pembiayaan bagi penerbitan di jurnal berindeks Scopus yang di mohon tidak melebihi dari **RM2,000** (permohonan dari penulis koresponden (*corresponding author*)).
15. Pembayaran akan dibuat setelah artikel dimuatnaik dan disahkan di PRIME sebagai penerbitan berindeks. Pembayaran akan dibuat kepada pemohon berdasarkan **konsep bayar dahulu dan tuntutan kemudian. Keputusan fakulti adalah muktamad.**

PROFESSOR DR. NIRDAUS ABDULLAH
Dean
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam
12300 Bandar Puncak Alam
Selangor, Malaysia

Carta Alir Permohonan



CARTA ALIR	TINDAKAN
Pensyarah menerbitkan artikel di jurnal berindeks WOS (JCR Q1 atau Q2)	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah menyemak syarat-syarat permohonan pembiayaan penerbitan	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah mengisi borang permohonan pembiayaan penerbitan	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah menghantar borang permohonan kepada Koordinator Penyelidikan (KP) – <i>hard copy</i> dan <i>soft copy</i>	Pensyarah (Pemohon)
KP akan menyemak dan memastikan permohonan memenuhi syarat-syarat ditetapkan	KP
Borang permohonan dihantar kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) -TD P&I	TD P&I
Borang permohonan akan dinilai oleh TD P&I	TD P&I
TD P&I akan menghantar hasil penilaian kepada KP.	TD P&I
Pemakluman keputusan penilaian TD P&I	TD P&I
Pemakluman senarai permohonan oleh KP di mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF)	KP

A decorative graphic consisting of two thick black L-shaped lines. One L-shape is positioned on the left side, with its vertical bar extending downwards and its horizontal bar extending to the right. The second L-shape is positioned on the right side, with its vertical bar extending upwards and its horizontal bar extending to the left. These two shapes together form a large, open rectangular frame around the central text.

TERIMA KASIH